

Headline	SC anjur forum pasaran modal antarabangsa		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Oct 2011	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	197,952
Page No	19	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	86 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,121
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,363



SC anjur forum pasaran modal antarabangsa

KUALA LUMPUR 20 Okt. - Suruhanjaya Sekuriti (SC) akan menganjurkan Forum Pasaran Modal Islam Antarabangsa Kali Kelima (IICMF) pada November 2011 yang menampilkan pakar-pakar antarabangsa dan tempatan untuk membincangkan kewangan Islam semasa.

Antaranya Dr. Abbas Mirakhor (Pusat Pendidikan Antarabangsa bagi Pendidikan Kewangan Islam), Professor Volker Nienhaus (Profesor di Fakulti Pengajian Islam di Qatar) dan Professor Mohamad Aslam Haneef (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia).

Lain-lain ialah Professor Mohammad Hashim Kamali (Institut Antarabangsa Pengajian Islam), Omar Sheikh (Majlis Kewangan Islam, United Kingdom), Mushtak Parker (Editor Islamic Banker) dan Mohamed Ismail Mo-

hamed Shariff (Mohamed Ismail & Co).

Forum itu bakal memberi membincangkan mengenai risiko perkongsian sistem boleh menangani isu-isu pemindahan risiko yang diamalkan oleh industri kewangan konvensional.

Selain itu, turut menjadi fokus ialah Tadbir Urus Korporat, Etika dan Tanggungjawab Sosial - penyatuan warisan Islam dengan pengetahuan moden serta risiko pemindahan dan Perkongsian risiko dan dasar awam: aplikasi teori dan instrumen, Ekonomi Islam dan permasalahan ummah - Etika dan dimensi sosial.

Orang ramai yang mahu menyertai forum ini boleh melayari laman sesawang www.sidc.com.my atau menghubungi talian 03-6204 8644/03-6204 8665 untuk maklumat lanjut.